



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Tujuh premis perniagaan dikenakan kompaun kerana
menjual melebihi harga maksimum, tidak mempamerkan tanda harga dan
memaparkan tanda harga yang mengelirukan**

Tarikh: 20 Mac 2023

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan tujuh (7) kompaun kepada tujuh (7) buah premis perniagaan atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, bagi bulan Februari hingga pertengahan bulan Mac 2023.
2. Hasil kerja-kerja pemeriksaan rutin harian penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, JPES telah mendapati tujuh buah premis perniagaan melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barang yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga iaitu minyak masak dan susu tepung anak damit; tidak mempamerkan tanda harga bagi beberapa barang yang dijual; dan memaparkan tanda harga yang mengelirukan dan tidak selaras dengan kaunter pembayaran.. Berikut adalah keterangan mengenai kesalahan-kesalahan berkenaan yang telah dikeluarkan kompaun:

Bil	Nama Syarikat	Kesalahan	Tindakan (Kompaun)
1	Roshney Alif Sdn Bhd	Menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barang yang dikawal	\$500.00
2	Ya Nur Trading Co. Sdn Bhd	Menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barang yang dikawal	\$500.00

3	AI Muqsith Sdn Bhd	harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142	\$1,000.00
4	Noorfathima Sdn Bhd		\$700.00
5	Pooman Enterprise		\$500.00
6	Raimmar Sdn Bhd		\$500.00
7	Jaya Hypermart Sdn Bhd	Tidak mempamerkan tanda harga bagi mana-mana barang; dan memaparkan tanda harga yang tidak selaras dengan kaunter pembayaran	\$500.00

3. Pada bulan Februari hingga pertengahan bulan Mac 2023, sebanyak lima belas (15) Notis Amaran juga telah dikeluarkan atas beberapa kesalahan sama yang dinyatakan di atas.
4. Oleh yang demikian, para peniaga diingatkan untuk sentiasa bertanggungjawab dalam menjalankan perniagaan secara beretika dengan mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dalam usaha untuk membangunkan ekosistem perniagaan domestik yang berdaya tahan.
5. Dalam kesempatan ini, JPES turut menggalakkan para pengguna untuk mengoptimakan penggunaan saluran-saluran rasmi yang disediakan dan mudah diakses bagi menyalurkan sebarang aduan atau maklum balas berkaitan dengan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak; Talian Darussalam 123; dan emel aduanpengguna@jpes.gov.bn.
6. Sebarang maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 juga boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan laman sesawang JPES di www.deps.gov.bn.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi